



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**IBADAH SOLAT PELAJAR UiTM KOTA SAMARAHAN:
KESELARIAN ANTARA KEFAHAMAN DAN AMALAN**

OLEH:

**ROHAYA BINTI SULAIMAN
NADIYAH BINTI HASHIM
SHARIFAH ANOM BINTI OMAR**

DISEMBER 2010

ISI KANDUNGAN

	<i>halaman</i>
SURAT PENYERAHAN LAPORAN	ii
AHLI KUMPULAN PROJEK	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBARAJAH	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
ABSTRAK	xii
BAB I PENGENALAN	
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Penyataan Masalah	4
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Kepentingan Kajian	6
1.4 Batasan Kajian	6
1.5 Huraian Istilah	7
1.5.1 Ibadah	7
1.5.2 Solat	7
1.5.3 Pelajar UiTM Kota Samarahan	8
1.5.4 Kefahaman	8
1.5.5 Amalan	8
1.6 Kajian Literatur	9

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang keselarian antara kefahaman dan amalan ibadah solat pelajar-pelajar UiTM Kota Samarahan, Sarawak. Kajian ini dilaksanakan bagi mengukur tahap kefahaman pelajar terhadap falsafah solat yang sebenar dan menilai kesahan amalan solat mereka. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa sebanyak 80% (berjumlah 116 pelajar) mengakui bahawa mereka tidak melaksanakan solat lima waktu secara sempurna sehari semalam. Perkara ini perlu dipandang serius memandangkan solat lima waktu merupakan satu ibadat yang sangat dititikberatkan dalam Islam. Untuk mengukur keselarian antara kefahaman dan amalan pelajar terhadap ibadat solat, maka seramai 515 pelajar telah dipilih sebagai responden. Data yang diperolehi dari soal selidik telah dianalisis melalui perisian 'Statistical Package of the Social Sciences' (SPSS). Hasilnya, dari sudut kefahaman solat dapat disimpulkan bahawa pelajar memahami falsafah solat secara menyeluruh. Walaubagaimanapun, terdapat segelintir di antara mereka keliru mengenai perkara yang membatalkan atau yang menjadi kewajipan dalam solat. Manakala dari sudut amali, pelajar tidak melaksanakan solat dengan cara yang sebenarnya. Kajian ini juga mencadangkan satu modul amali solat yang lebih menarik dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kefahaman dan amalan solat pelajar. Pihak pengurusan asrama juga perlu mewajibkan solat berjemaah di kalangan pelajar di hostel. Selain itu, pemantauan berkala perlu dilakukan dengan kerap terhadap pelajar oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

BAB I

PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Solat merupakan ibadah utama yang sangat dititikberatkan oleh Islam jika dibandingkan dengan ibadah-ibadah yang lain. Ia adalah rukun Islam kedua yang wajib dilaksanakan oleh semua muslim lelaki dan perempuan setelah melafazkan pengakuan tauhid iaitu ucapan dua kalimah syahadah. Terdapat banyak ayat Al-Quran dan Hadis yang menerangkan mengenai keutamaan dan kepentingan ibadah solat ini (Syeikh Hadith Maulana Muhammad & Zakaria al-Kandhalawi, 2003). Sesungguhnya, solat itu bukan sahaja dianggap sebagai rukun Islam tetapi juga merupakan tiang agama yang menjadi tonggak terhadap keutuhan agama Islam itu sendiri selain membawa maksud tiang agama bagi diri seseorang Muslim. Sekiranya salah satu ibadah solat telah ditinggalkan dalam sehari, maka tempanglah agama seseorang itu (Hasan Muhammad al-Khairun, 2005). Solat juga merupakan salah satu kayu pengukur bagi menentukan ketulenan keislaman seseorang muslim yang melaksanakan ibadah itu dengan penuh sempurna menurut tuntutan-tuntutan yang telah disyariatkan. Melalui pelaksanaan solat, ia dapat membezakan seseorang itu di antara muslim dan kafir. Ini memandangkan kerana solat merupakan salah satu komponen penting dalam kategori tauhid uluhiyyah (tauhid ibadah) (Ahmad Syafi'i Khatib, 2005).

BAB II

TINJAUAN KAJIAN

2.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan membentangkan kajian-kajian yang berkaitan dengan ibadah solat. Ini akan dapat mengukuhkan kefahaman pembaca mengenai kajian ini. Antara skop yang akan dibincangkan ialah definisi solat, kepentingan solat, kesempurnaan solat, kesan solat terhadap individu pelajar dan rumusan tinjauan kajian.

2.1 DEFINISI SOLAT

2.1.1 BAHASA

Menurut Ibn Manzur (t.th) di dalam karangannya *Lisan al-'Arab*, solat bermaksud doa dan memohon *istighfar* (keampunan). Manakala Al-Zujjaj mengatakan bahawa maksud bagi kata dasar solat ialah keperluan. Ini membawa maksud apabila sesuatu itu menjadi wajib. Dalam kata lain, ia tidak menjadi terpisah atau dapat memisahkan sesuatu. Sementara itu bagi maksud *musalli* ialah seekor kuda yang berada dalam kedudukan kedua di dalam perlumbaan. Ia menjejaki atau mengikuti kuda pertama yang berada di hadapannya. Seterusnya makna bagi perkataan *sal'ya* ialah daging bakar atau panggang atau sesuatu yang dibakar atau dipanggang. Solat juga bermaksud menghangatkan tangan